



SIARAN MEDIA

JEJAK POTENSI, RAIKAN DEDIKASI: WANITA TERUS DIPERKASA

KUALA LUMPUR , 14 APRIL : Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Seri Hajah Nancy Shukri hari ini merasmikan Program Inspirasi Wanita: Menjejak Potensi Menghargai Dedikasi, anjuran Jabatan Pembangunan Wanita di Hotel Ideas, Kuala Lumpur.

Program ini diadakan bagi meraikan tokoh-tokoh wanita yang telah menunjukkan komitmen, dedikasi serta kepimpinan yang cemerlang sepanjang pelaksanaan program PERANTIS tahun 2025. Program PERANTIS telah mula dilaksanakan pada tahun 2024, selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac 2024.

Menurut YB Dato' Seri Hajah Nancy Shukri, PERANTIS juga adalah sejajar dengan dua (2) strategi utama di bawah bidang keutamaan kepimpinan dalam Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030, iaitu untuk membangunkan barisan pemimpin pelapis merentasi pelbagai sektor serta meningkatkan kemahiran kepimpinan wanita dengan matlamat melahirkan lebih ramai pemimpin wanita yang berkualiti dan mampu memberi impak signifikan kepada perubahan sosial masyarakat.

Kejayaan PERANTIS pada tahun 2024 amat memberangsangkan. Seramai 1,247 peserta telah menerima bimbingan daripada 25 tokoh wanita dalam 10 bidang utama, meliputi kepimpinan, politik, ekonomi, sosial, teknologi, perundangan, keselamatan, kesejahteraan, pendidikan dan kesihatan. Program ini diteruskan pada tahun 2025 dengan peruntukan RM 5 juta, melibatkan 100 tokoh wanita dan 4,129 peserta. Pada tahun 2026, dengan peruntukan RM 4 juta, program ini menyasarkan penglibatan 80 tokoh wanita dan 4,000 peserta.

Tema “Menjejak Potensi, Menghargai Dedikasi” betepatan dengan semangat PERANTIS di mana setiap tokoh dan peserta mempunyai potensi yang tersendiri dan melalui program ini, potensi tersebut telah digilap melalui pengalaman pembelajaran, bimbingan mentor serta pendedahan kepada pelbagai perspektif kepimpinan. Komitmen yang ditunjukkan sepanjang program ini membuktikan bahawa wanita berupaya memikul tanggungjawab kepimpinan dengan cemerlang, serta mampu menjadi sumber inspirasi kepada lebih ramai wanita.

Turut hadir Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Datuk Dr Maziah Binti Che Yusoff, Ketua Pengarah JPW, YBrs. Puan Hanani Binti Sapit, dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA
14 APRIL 2026